

APLIKASI MAQASID SYARIAH DALAM RESOLUSI HUKUM BERKAITAN MUAMALAT DI MALAYSIA

DR. NORA'INAN BT. BAHARI

norainan@kuis.edu.my

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Tel: +6012-2265704

ABSTRAK

Secara umum maqasid syariah didefinisikan sebagai menolak kemudaratatan dan mencapai kebaikan. Manakala prinsip asas dalam hukum muamalat berkaitan kehartaan adalah harus kecuali ada dalil yang mengharamkan. Justeru, aktiviti kewangan Islam sebagai salah satu daripada kegiatan muamalat di Malaysia, hendaklah berterusan berusaha untuk mencapai sistem kewangan Islam yang menepati maqasid syariah dengan menjaga kemaslahatan pelanggan di samping aspek keuntungan. Oleh itu pematuhan terhadap tuntutan sebenar syariah dan impak sesuatu produk atau perkhidmatan terhadap pembangunan ekonomi masyarakat perlu ditingkatkan berbanding aspek fiqh. Justeru pendekatan secara maqasidi adalah perlu bagi memastikan keselarasan aktiviti dengan kehendak Syarak dan keperluan semasa. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis aplikasi maqasid syariah dalam resolusi hukum berkaitan muamalat di Malaysia. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menggunakan metode dokumentasi untuk mengumpulkan data-data kompilasi resolusi hukum Majlis-Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kajian lapangan pula dijalankan dengan menggunakan metode temu bual berstruktur bagi menganalisis kaedah dan tahap penggunaan maqasid syariah dalam resolusi hukum antara tahun 1996-2018. Responden melibatkan Ketua Penolong Pengarah Seksyen Muamalat dan Sosioekonomi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM, Timbalan Pengarah Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia dan Timbalan Pengurus Besar dan Ketua Jabatan Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta beberapa orang ahli Majlis-Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat aplikasi maqasid syariah dalam resolusi hukum yang dikeluarkan bagi memastikan objektif syariat tercapai dalam menjaga agama, diri, akal, keturunan dan harta.

Kata kunci: Maqasid, Syariah, Resolusi, Hukum, Pemakaian.

1. Pengenalan

Pada masa kini terdapat empat institusi yang berfungsi untuk mengeluarkan fatwa atau keputusan hukum. Pengeluaran fatwa adalah menjadi tanggungjawab kepada Majlis Fatwa Kebangsaan di peringkat Persekutuan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri yang meliputi pelbagai bidang dan skop kehidupan. Jawatankuasa ini juga dinamakan dengan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak, Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Fatwa, Jemaah Ulama dan lain-lain. Contohnya, istilah Jawatankuasa Fatwa digunakan di Terengganu, Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Kedah dan Pulau Pinang. Manakala Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak digunakan di Pahang dan Wilayah Persekutuan, Perlis dan Perak pula menggunakan istilah Jawatankuasa Syariah, Jemaah Ulama di Kelantan, Majlis Fatwa di Sabah dan Lembaga Fatwa di Sarawak. Manakala dalam keputusan hukum berkaitan muamalat, dipertanggungjawabkan kepada Majlis Penasihat Syariah bagi Bank Negara Malaysia khususnya berkaitan Perbankan Islam dan Takaful dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti bagi aspek Pasaran Modal Islam. Kedua-duanya berperanan

secara umum menyelaras dan mentadbir isu-isu syariah bagi melancarkan pembangunan instrumen kewangan Islam. Selain secara khusus bertanggungjawab memastikan pembangunan kewangan Islam dari segi perancangan dasar dan pembangunan produk mematuhi prinsip syariah (Suhaimi Mohd Yusof & Ahmad Hazim Alias, 2008).

Walaupun Bank Negara Malaysia mempunyai tanggungjawab utama dalam industri perbankan dan takaful tetapi Majlis Fatwa Kebangsaan seharusnya diberi ruang untuk membuat perubahan mana-mana fatwa yang tidak selari dengan syariah atau diberikan peluang untuk menawarkan pandangan atau komentar terhadap keputusan oleh Majlis Penasihat Syariah (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2014). Bagaimanapun cadangan ini memerlukan perubahan peringkat dasar dilakukan kerana setiap institusi ini mempunyai peranan dan skop masing-masing. Sungguhpun demikian, ruang kerjasama dan persefahaman boleh diwujudkan dengan penglibatan ahli Majlis Fatwa Kebangsaan yang juga menjadi ahli Majlis Penasihat Syariah kepada Bank Negara dan juga Suruhanjaya Sekuriti yang dapat merapatkan jurang perbezaan resolusi hukum yang dikeluarkan (Mohamad Akram Laldin, 2015).

Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan kedudukan Majlis-majlis Penasihat Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari sudut perundangan dan peranan dalam mengeluarkan resolusi syariah dan keputusan hukum (diringkaskan sebagai resolusi hukum). Seterusnya menganalisis kaedah aplikasi maqasid syariah yang digunakan dalam sesuatu resolusi hukum yang dikeluarkan.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen bagi menilai aplikasi maqasid shariah bagi resolusi hukum yang dikeluarkan oleh Majlis-majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Data-data tersebut diambil daripada kompilasi resolusi hukum yang dikeluarkan dari tahun 1996 sehingga 2018. Hanya dua sampel resolusi hukum yang dianalisis bagi menunjukkan aplikasi elemen-elemen maqasid shariah berkaitan hukum muamalat daripada jumlah keseluruhan 162 resolusi syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan 101 keputusan hukum yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kaedah analisis dokumen ini dilakukan dengan sistematik dalam mengumpulkan data berkaitan elemen-elemen maqasid shariah daripada buku-buku karangan para ulama Usul masa lalu dan masa kini yang terdiri daripada al-Ghazali, al-Shatibi, `Izz al-Din, Ibn `Ashur, al-Raysuni, al-Buti, al-Fasi, al-Khadami dan al-Qaradawi. Ia kemudiannya dipetakan dengan resolusi hukum yang dikeluarkan bagi menunjukkan aplikasi yang berlaku. Bagi melengkapkan kajian juga, kaedah temubual dilakukan terhadap pakar-pakar bidang kewangan Islam yang melibatkan ahli-ahli Majlis Penasihat Syariah, mufti dan para pentadbir kedua-dua institusi.

3. Kedudukan Resolusi Hukum dalam Perundangan di Malaysia

Bahagian ini menjelaskan kedudukan kedua-dua institusi ini dalam mengeluarkan resolusi hukum dari sudut perundangan Malaysia dan seterusnya menganalisis kaedah

yang digunakan dalam pengeluaran hukum dan kedudukan maqasid syariah sebagai sumber rujukan dalam pengeluaran fatwa.

3.1 *Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia*

Dalam konteks perbankan Islam dan takaful, keputusan hukum dikeluarkan oleh ahli Majlis Penasihat Syariah yang dianggotai oleh mereka yang berkelayakan dalam syariah, ekonomi, undang-undang dan kewangan yang mana proses ini dianggap satu bentuk ijtihad iaitu usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengeluarkan hukum Syarak terhadap perkara yang tiada nas (Muhammad Abu Zuhrah, 1957). Ijtihad secara jama`i/ kolektif ini merupakan satu sumber hukum yang menjadi panduan umum untuk menentukan status hukum Syarak sesuatu transaksi kewangan semasa. Bahkan diperkukuhkan lagi dengan pindaan terhadap Akta Bank Negara 1958 pada tahun 2003 yang menyatakan bahawa Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) diperakui sebagai badan yang berkuasa penuh berhubung isu-isu syariah dalam Perbankan Islam, takaful dan kewangan Islam yang berada di bawah seliaan Bank Negara Malaysia.

Selain itu juga, semua institusi kewangan yang menawarkan kemudahan kewangan Islam diwajibkan menubuhkan Jawatankuasa Syariah bagi memastikan operasi perniagaan bank memenuhi prinsip syariah setiap masa, mengesahkan manual pematuhan syariah dan mengesah serta meluluskan dokumen berkaitan secara bertulis berserta dengan ulasan (Suhaimi Mohd Yusof dan Mohd Hazim, 2008). Perkara ini dijelaskan dalam Seksyen 30(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang menggantikan Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984.

Peruntukan tentang kewajipan menubuhkan Jawatankuasa Syariah ini bagaimanapun tidak memberi kuasa penuh bagi sebarang keputusan jawatankuasa syariah ini kerana ia tidak boleh bercanggah dengan resolusi yang dikeluarkan oleh MPS BNM sebagaimana dijelaskan dalam Seksyen 58 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Bahkan menjadi satu kemestian untuk sesuatu institusi kewangan membuat rujukan terhadap MPS BNM sekiranya terdapat perkara atau aktiviti yang memerlukan penentuan hukum Syarak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 55 (1) (a) (b) dan 55 (2) (a) (b). Bagaimanapun rujukan juga boleh dibuat kepada MPS BNM sekiranya membabitkan perkara berkaitan operasi perniagaan untuk memastikan keselarasannya dengan Syariah.

Oleh itu bagi memastikan segala aktiviti dalam sesuatu institusi kewangan rujukan kepada MPS BNM adalah satu kemestian kerana membabitkan teras dalam perkhidmatan sesuatu institusi dan bagi memastikan maqasid syariah tercapai.

Justeru, sebagai salah satu langkah memperkukuhkan perkhidmatan institusi kewangan Islam, maka seksyen 28(1) dan 29(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 menyediakan piawaian Syariah berkaitan dengan kontrak muamalah agar tadbir urus yang berkaitan dengan sesuatu perkhidmatan kewangan Islam itu menepati prinsip-prinsip syariah. Contohnya, *Standard on Mudarabah* yang dikeluarkan pada 22 Oktober 2012. (Ruzian Markom, 2014).

Kedua-dua seksyen di atas memberi kuasa kepada MPS untuk membuat apa-apa keputusan dan standard bagi memastikan aktiviti dan perkhidmatan berkaitan

perniagaan kewangan Islam mematuhi kehendak syariat. Bahkan seksyen 59 (1) (2) dan (3) Akta Bank Negara 2009 menjelaskan tentang perkara yang dimaksudkan termasuk mengeluarkan pekeliling, garis panduan dan notis bertulis yang berkaitan perniagaan kewangan Islam yang mana institusi kewangan Islam wajib mematuhi dan ketakakuran akan menjadi satu kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman maksimum tiga juta ringgit.

Tambahan lagi mahkamah adalah terikat kepada kontrak yang diputuskan oleh MPS di bawah seksyen 52 Akta Bank Negara 2009 yang menyatakan tentang fungsi Majlis Penasihat Syariah untuk menentukan hukum syarak dan menasihati bank dan institusi kewangan Islam dalam isu syariah berkaitan aktiviti atau transaksi yang dilakukan.

Justeru, seksyen 56-57 menjelaskan tentang keperluan untuk Mahkamah Sivil merujuk kepada MPS apabila berhadapan persoalan syariah dalam kewangan Islam dan kesan rujukan tersebut yang mengikat institusi-institusi kewangan tersebut dan mahkamah atau penimbangtara yang membuat rujukan.

Berdasarkan perbincangan di atas, MPS itu sendiri dilihat menjadi satu entiti utama bagi memastikan pencapaian maqasid syariah dalam menjaga harta khususnya dalam aspek perbankan dan kewangan Islam. Aplikasi maqasid syariah, masalah dan panduan halal, haram, riba dan gharar menjadi perkara utama dalam sesuatu penyelidikan hukum selain menggunakan pendekatan seimbang antara teori dan amalan dalam aktiviti ekonomi serta mengambil kira perubahan semasa dan setempat (Suhaimi Mohd Yusuf & Ahmad Hazim Alias, 2008).

Lebih jelas lagi amalan merujuk kepada empat mazhab utama, iaitu Hanafi, Maliki, Shafie dan Hambali masih dijadikan keutamaan disertai dengan penelitian kepada pandangan kontemporari seperti *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) dan *International Islamic Fiqh Academy* (*Majma` al-Fiqh al-Islami*) sebelum dibentangkan kepada MPS. Jika sekiranya tiada resolusi hukum yang dapat dikeluarkan maka rujukan dibuat kepada prinsip yang lebih global iaitu siyasah syar'iyah dan maqasid syariah. Selain itu, rujukan juga dilakukan terhadap praktis yang ada dalam kalangan industri bagi memastikan resolusi yang dikeluarkan praktikal dan memenuhi keperluan kumpulan sasaran (Hamzah Kamaruzzaman, 2015).

Praktis di atas memperlihatkan sedikit perbezaan dengan amalan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri yang memberi keutamaan kepada mazhab Shafie dalam memastikan kepentingan awam terjaga dan barulah diikuti oleh mazhab-mazhab yang lain. Sungguhpun demikian, mengambil kira suasana persekitaran dan setempat (*fiqh waqi`i*) menjadi satu praktis utama, bersesuaian dengan fatwa yang dikeluarkan bagi menjawab persoalan yang berkaitan dengan isu-isu tempatan (Wan Salim Wan Mohd. Nor, 2015).

Maqasid syariah diaplikasikan dalam setiap resolusi hukum yang dikeluarkan oleh MPS BNM melalui proses perbincangan yang mendalam, perundingan yang teliti dan seperti mana yang ditetapkan dalam rangka kerja tadbir urus Syariah di Malaysia. Selain itu juga memastikan kesan yang positif dalam bentuk perlaksanaannya di peringkat industri (Ashraf Md. Hashim, 2015 dan Hamzah Kamaruzzaman, 2015). Pernyataan ini bertepatan dengan salah satu metode dalam mengenal pasti maqasid syariah adalah memastikan proses ijtihad, keputusan dan kesan hukum menepati kehendak syarak dalam memastikan kemaslahatan masyarakat.

3.2 *Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*

Di bawah Seksyen 15 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Suruhanjaya adalah sebuah badan berkanun yang melapor terus kepada Menteri Kewangan, merupakan agensi pengawal selia tunggal bagi pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal di Malaysia., termasuk bursa saham dan rumah penjelasan, dan mengawal selia semua pihak yang diberikan lesen di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (SIA) dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 (FIA).

Pada tahun 1994, Suruhanjaya telah menubuhkan Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam (KPII) yang dianggotai oleh pakar Syariah dan tokoh korporat bagi membincangkan dan memutuskan isu berkaitan pasaran modal Islam di Malaysia. Seterusnya meletakkan asas-asas pembangunan pasaran modal Islam di Malaysia. Justeru, Suruhanjaya berpendapat, peranan KPII perlu dinaiktaraf menjadi sebuah badan yang lebih formal yang dinamakan Majlis Penasihat Syariah pada 16 Mei 1996. Peranan utamanya adalah untuk memastikan perjalanan pasaran modal Islam selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Bidang kuasanya ialah memberi nasihat kepada Suruhanjaya dalam semua perkara berhubung pembangunan pasaran modal Islam yang komprehensif dan bertindak sebagai pusat rujukan dalam semua isu Syariah dalam pasaran modal Islam. (Seksyen 51, Akta Suruhanjaya Sekuriti, 2002 dan Nordin Ngadimon, 2015).

Pelantikan anggota Majlis Penasihat Syariah pula dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat menteri kewangan. Mereka yang dilantik adalah yang berkelayakan dalam bidang fiqh muamalah, jurisprudens Islam, kewangan Islam atau apa-apa bidang lain yang berkaitan (Seksyen 51 Subseksyen 31ZK (1), Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015). Penetapan kelayakan ini adalah tindakan yang tepat memandangkan isu-isu dalam pasaran modal Islam adalah perkara baharu yang memerlukan sinergi mereka yang bukan sahaja pakar dalam kewangan Islam dan sains transaksi dalam Islam iaitu fiqh muamalah serta metodologi hukum Islam (jurisprudens Islam) tetapi juga pakar dalam bidang-bidang lain yang diperlukan seperti undang-undang. Ini juga satu pendekatan maqasidi yang mengambil kira semua proses, keputusan hukum dan kesan terhadap industri yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan hukum yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (MPS SSM).

Dalam memperkenalkan instrumen pasaran modal Islam, MPS telah menggunakan dua pendekatan iaitu, pertama, dengan mengkaji kesahihan instrumen konvensional yang diamalkan oleh pasaran modal tempatan daripada perspektif Syariah dengan menumpukan kepada aspek struktur, mekanisme dan penggunaan instrumen bagi memastikan keselarasannya dengan prinsip-prinsip Syariah. Manakala kaedah kedua ialah membangunkan instrumen kewangan baru berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. MPS juga bertanggungjawab untuk mengesahkan senarai sekuriti patuh Syariah (Suruhanjaya Sekuriti: 5).

MPS juga dengan jelas menetapkan bahawa dalam pendekatan membuat keputusan syariah bahawa sumber dan metodologi penyelidikan dalam penentuan hukum itu

adalah merujuk kepada sumber utama dan sumber kedua. Sumber utama ialah al-Quran dan al-Sunnah; manakala sumber kedua (sokongan) ialah ijihad yang termasuk di dalamnya maqasid syariah selain ijmak, qiyas, maslahah, istihsan, istishab, sadd dhari'ah, 'urf, siyasah syar'iyah, ta'wil, istiqlal dan talfiq (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia: 8-12). Kenyataan ini adalah lebih jelas berbanding dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dalam bahagian pengenalan buku Resolusi Syariah "kompilasi ilmiah resolusi ini dihasilkan sebagai manifestasi ijihad secara bersama oleh barisan cendekiawan berhubung perkara Syariah dalam kewangan Islam (Bank Negara Malaysia: 2011).

4. Statistik Resolusi Hukum

Penelitian terhadap kompilasi resolusi hukum yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysi akan dibincangkan untuk mengenal pasti jumlah keseluruhan resolusi yang ada sebelum pemilihan sampel yang menggunakan maqasid syariah sama ada secara eksplisit atau implisit.

4.1 *Statistik Resolusi Hukum Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia*

Penyebaran resolusi MPS BNM dilakukan melalui penerbitan dalam bentuk buku dan laman sesawang rasmi Bank Negara Malaysia. Antara penerbitan ilmiah yang komprehensif ialah Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Edisi Kedua tahun 2010. Edisi ini telah menghimpunkan semua keputusan MPS BNM daripada awal penubuhannya pada tahun 1997 hingga tahun 2009. Edisi terkini ini yang menggantikan resolusi-resolusi yang terdahulu, menjadi rujukan semua pihak terutama institusi kewangan, mahkamah dan penimbangtara serta masyarakat awam dalam perkara-perkara syariah berkaitan kewangan Islam bersesuaian dengan peranannya sebagai agensi tunggal yang diberi kuasa dalam pengeluaran keputusan hukum berkaitan perbankan dan takaful, resolusi ini dikeluarkan berasaskan fatwa dan ijihad secara kolektif.

Bank Negara juga telah mengeluarkan resolusi-resolusi yang lebih ringkas iaitu Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010-2011) pada tahun 2012 dan Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010-2012) pada tahun 2014. Keputusan MPS BNM bermula daripada tahun 2013 hingga kini juga boleh dicapai dalam laman sesawang rasmi Bank Negara Malaysia (SAC latest update, 2018).

Jadual 1: Resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia

Item	Bilangan
Kontrak Syariah	88
Konsep Syariah Sokongan	13
Produk Kewangan Islam	19
Isu-Isu Syariah dan Institusi sokongan	16
Isu-Isu Syariah Kewangan Islam	26
Jumlah	162

Sumber: Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Edisi Kedua

Jadual di atas menunjukkan terdapat lima jenis resolusi syariah yang telah dikeluarkan oleh MPS BNM iaitu kontrak Syariah, kontrak Syariah sokongan, produk kewangan Islam, isu-isu syariah dan institusi sokongan dan isu-isu syariah kewangan Islam. Daripada lima jenis resolusi itu, kontrak Syariah merupakan resolusi hukum yang terbanyak (88) bersesuaian dengan kapasitinya sebagai asas dalam kewangan Islam, diikuti dengan isu-isu Syariah kewangan Islam (26) dan produk kewangan Islam (19) serta isu-isu Syariah dan institusi sokongan (16) dan konsep Syariah sokongan (13).

4.2 Statistik Keputusan Hukum Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Keputusan-keputusan Syariah MPS SSM juga disebarikan melalui penerbitan dan laman sesawang rasmi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Antara penerbitan yang telah dikeluarkan ialah keputusan MPS yang terkandung dalam buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Edisi Kedua) 2006. Terdapat juga edisi tambahan Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (2012–2014) dan Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2017.

Jadual 2: Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Item	Bilangan
Prinsip dan Konsep Muamalat dalam Pasaran Modal Islam	22
Produk Pasaran Modal Islam	21
Isu Pasaran Modal Menurut Perundangan Islam	50
Kriteria Syariah Sekuriti Tersenarai	8
Jumlah	101

Sumber: Keputusan MPS SSM Edisi Kedua

Berdasarkan statistik di atas, keputusan MPS SSM berkaitan dengan isu-isu pasaran modal Islam adalah paling banyak (50%) berbanding dengan item yang lain daripada keseluruhan keputusan yang dibuat bertepatan dengan perkembangan dalam pasaran modal Islam yang sentiasa mempunyai isu-isu baharu yang memerlukan keputusan syariah.

5. Aplikasi Maqasid Shariah dalam Resolusi Hukum

Aplikasi maqasid shariah dalam hukum muamalat berasaskan kepada konsep, falsafah dan prinsip muamalat itu sendiri (Hailani, 1998 dan Mohd Ma`sum, 2006). Salah satu konsep dan falsafah dalam muamalat adalah keselariannya dengan akidah, akhlak dan maqasid. Justeru, segala transaksi yang dilakukan perlulah selari dengan akidah dan

dilakukan dengan berakhlak dan beretika agar menjadi ibadah dan mencapai tujuan Syarak di dunia dan akhirat. Manakala prinsip-prinsip yang memastikan pencapaian maqasid syariah ialah meraihan `illah, masalih dan maqasid, penjagaan harta sebagai dasar syariat yang umum dan kaedah asal dalam muamalat adalah merujuk kepada maqasid (Muhammad Sharif Basir dan Hisham Sabri, 2008 dan Akhtar Zeiti, 2008). Oleh itu, tidak syak lagi aplikasi maqasid adalah suatu kemestian khususnya dalam resolusi hukum muamalat bagi menjadikan sesuatu fatwa itu lebih dinamik dan memenuhi keperluan dan situasi semasa.

Justeru, kajian ini membuat penilaian terhadap aplikasi maqasid syariah dalam resolusi hukum yang dikeluarkan oleh Majlis-Majlis Penasihat Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Analisis dan perbincangan dilakukan terhadap kompilasi resolusi hukum dan data temu bual yang dijalankan. Tujuannya adalah bagi menilai aplikasi maqasid syariah, kaedah dan kesan penggunaannya.

5.1 Kaedah Penilaian

Berdasarkan perbincangan para ulama dan sarjana, masalah insan di dunia dan akhirat adalah menjadi tujuan utama dalam pentaklifan hukum Syarak. Justeru, bagi memastikan pencapaian maqasid syariah, penyelidik menggunakan lima elemen yang menentukan kewujudan penggunaan maqasid syariah dalam sesuatu resolusi yang dikeluarkan. Cadangan ini adalah berdasarkan inferens yang dibuat terhadap pandangan para ulama *maqasidi* dahulu dan masa kini seperti al-Ghazali, al-Shatibi, `Izz al-Din, Ibn `Ashur, al-Raysuni, al-Buti, al-Fasi, al-Khadami dan al-Qaradawi.

Pertama, mengkategorikan sesuatu isu itu sama ada berada dalam kategori daruriyyat (sangat penting), hajiyyat (keperluan) atau tahsiniyyat (kesempurnaan). Penentuan ini penting dalam membuat sesuatu keputusan bagi memenuhi objektif Syarak. Kedua, berasaskan kepada aspek-aspek penjagaan agama, diri, akal, keturunan dan harta atau menghapuskan sebarang kemudaratannya yang mencero bohi aspek-aspek ini. Ketiga, mendahulukan masalah ramai daripada masalah individu apabila berlaku pertembungan bagi memastikan pencapaian maqasid syariah. Keempat, menggunakan istilah-istilah yang mempunyai maksud maqasid syariah masalah, hikmah, `illah dan rahsia Syarak dan Kelima, menolak keburukan didahulukan dari mencapai kemanfaatan (al-Khadami, 2003 dan al-Buti, 2001).

5.2 Aplikasi Maqasid Syariah dalam Resolusi Hukum Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia

Pencapaian maqasid syariah dalam resolusi syariah MPS BNM menjadi salah satu tujuan utama MPS BNM (*Resolusi Syariah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia Edisi Kedua*, 2010). Justeru, daripada 162 resolusi Syariah yang dipaparkan dalam Jadual 1, terdapat beberapa resolusi yang mengaplikasikan maqasid syariah dalam membuat keputusan. Antaranya Resolusi no. 6 Penggunaan Kumpulan Wang Takaful untuk Menjelaskan Hutang Keutamaan (*Preferential Debts*), Resolusi no. 9 keutamaan Pembayaran Semasa Penggulangan Institusi Perbankan Islam dan Resolusi 55 Mekanisme Menangani Defisit dalam Dana Risiko Peserta.

5.2.1 Penggunaan Kumpulan Wang Takaful untuk Menjelaskan Hutang Keutamaan (*Preferential Debts*) (Bank Negara Malaysia, 2014)

Resolusi keenam ini menjelaskan tentang isu sama ada kumpulan wang takaful boleh digunakan untuk menanggung sebahagian daripada kos penggulangan yang terkandung dalam hutang keutamaan (*preferential debts*) seperti yang dinyatakan dalam seksyen 292(1)(a) Akta Syarikat 1965, dalam kes penggulangan sesebuah pengendali takaful.

Pihak Majlis Penasihat Syariah telah memutuskan (i) bahawa kos penggulangan tidak ditanggung oleh kumpulan wang takaful sebaliknya ditanggung sepenuhnya oleh pengendali takaful melalui kumpulan wang pemegang syer; dan (ii) kumpulan wang takaful hanya boleh digunakan untuk membayar cukai persekutuan yang terkandung dalam hutang keutamaan (*preferential debts*) seperti yang dinyatakan dalam seksyen 292(1)(f) Akta Syarikat 1965, yang berpunca (*attributable*) daripada kumpulan wang takaful berkenaan.

Dalam memutuskan keputusan di atas, keutamaan adalah untuk memelihara kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan seperti peserta takaful dengan menyandarkan kepada kaedah fiqh “*masalah* umum diutamakan dari *masalah* khusus” atau *al-maslahah al-`amah muqaddimah `ala al-maslahah al-khassah.*” (al-Shatibi, 1997; ‘Abd al-Karīm Zaydān, 1987). Dalam keadaan ini elemen maqasid syariah yang digunakan ialah menolak kemudaratan didahulukan bagi mengekalkan *masalah*. Oleh itu kepentingan umum iaitu peserta takaful yang lebih ramai mengatasi kepentingan khusus iaitu pengendali takaful.

Jadual 3: Pemetaan Elemen *Maqāṣid Sharī‘ah* dengan Resolusi Syariah MPS BNM

Resolusi MPS BNM	Elemen Khusus <i>maqāṣid sharī‘ah</i>				
	Kategori <i>daruriyyat</i> atau <i>hajiyyat</i> atau <i>tahsiniyyat</i>	Menjaga agama, diri, akal, keturunan harta	Mendahulukan <i>masalah</i> ramai daripada individu	Menggunakan istilah <i>masalah</i> , hikmah, <i>`illah</i> dan rahsia	Menolak keburukan didahulukan daripada mendapat kemanfaatan
Penggunaan Kumpulan Wang Takaful untuk Menjelaskan Hutang Keutamaan	/	-	/	-	/

Sumber: Penyelidikan

5.2.2 Keutamaan Pembayaran Semasa Penggulangan Institusi Perbankan Islam (Bank Negara Malaysia, 2014)

Resolusi kesembilan ini memberi penjelasan berhubung dengan cadangan pembahagian aset kepada dua kumpulan dan turutan keutamaan pembayaran bagi kedua-dua kumpulan aset tersebut semasa penggulangan institusi perbankan. MPS pada mesyuarat

ke-118 bertarikh 29 November 2011 telah memutuskan bahawa cadangan pembahagian aset kepada dua kumpulan dan turutan keutamaan pembayaran bagi kedua-dua kumpulan aset tersebut semasa penggulangan institusi perbankan adalah dibenarkan kerana ia merupakan satu keperluan (*hajiyyat*).

Kebenaran yang diberikan itu adalah berdasarkan prinsip maqasid syariah iaitu memelihara harta (*hifz al-mal*) iaitu merangkumi aspek kaedah pemilikan dan penjagaan harta termasuklah penekanan kepada pencarian harta yang halal. Dalam konteks muamalat kewangan, prinsip *hifz al-mal* boleh diperincikan lagi kepada aspek ketelusan dan kejelasan dalam berkontrak bagi menghindari unsur ketidakpastian (*gharar*).

Keputusan MPS itu juga menepati lima prinsip-prinsip maqasid syariah yang digariskan oleh Ibn `Ashur (al-Misawi, 1998) dalam urusan harta, iaitu memastikan harta beredar dan berkembang berlandaskan syariah, menyucikan harta dari segala keburukan, melindungi harta dari pencerobohan, mengiktiraf pemilikan harta dan memastikan keadilan yang sebenar dalam urusan kehartaan.

Jadual 4: Pemetaan Elemen *Maqāsid Sharī'ah* dengan Resolusi Syariah MPS BNM

Resolusi MPS BNM	Elemen Khusus <i>Maqāsid Sharī'ah</i>				
	Kategori <i>daruriyyat</i> atau <i>hajiyyat</i> atau <i>tahsiniyyat</i>	Menjaga agama, diri, akal, keturunan harta	Mendahulukan <i>masalah</i> ramai daripada individu	Menggunakan istilah <i>masalah</i> , hikmah, `illah dan rahsia	Menolak keburukan didahulukan
Keutamaan Pembayaran Semasa Penggulangan Institusi Perbankan Islam	/	/	-	-	-

Sumber: Penyelidikan

5.3 Huraian Penggunaan Maqasid Syariah dalam Resolusi Hukum Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti

Terdapat 101 keputusan MPS SSM berkaitan dengan pasaran modal seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2. Daripada keputusan syariah yang dikeluarkan, terdapat penggunaan maqasid syariah; yang jelas disenaraikan sebagai sumber dan manhaj penyelidikan dalam pasaran modal Islam (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2006).

Analisis penggunaan maqasid syariah dilakukan terhadap beberapa keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (2017) bagi menilai pencapaian dan asas pertimbangan yang telah dibuat. Keputusan MPS SSM terkandung dalam buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Edisi Kedua) termasuk kemas kini beberapa keputusan sedia ada. Bagaimanapun, huraian dan penghujahan Syariah yang terperinci bagi setiap keputusan tidak disertakan

sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian pengenalan (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2017). Oleh kerana itu setakat penelitian yang dilakukan hujahan yang menggunakan maqasid syariah tidak dinyatakan dengan jelas. Walaupun begitu, terdapat beberapa keputusan Majlis Penasihat Syariah yang menunjukkan elemen dan prinsip maqasid syariah dan masalah digunakan antaranya bay` 'inah dan bay` ma`dum.

5.3.1 Bay` 'Inah

Majlis Penasihat Syariah (MPS), dalam mesyuarat kelima pada 29 Januari 1997, memutuskan bahawa bay` 'inah ialah satu kaedah yang diharuskan dalam pasaran modal Islam di Malaysia.

Konsep bay` 'inah merujuk kepada jual beli yang berlaku antara penjual dengan pembeli. Penjual menjual asetnya kepada pembeli dengan harga tangguh lebih tinggi, kemudian penjual membeli semula aset tersebut daripada pembeli dengan harga tunai yang lebih rendah (al-Zuhayli, 1998). Semua aset yang dijual itu datangnya daripada pihak pemiaya. Dalam konteks pasaran modal Islam pada hari ini, semua aset yang dijual adalah kepunyaan pemiaya. Pihak pemiaya menjual sesuatu barangan kepada pembeli dengan harga tangguh, kemudian pihak pemiaya membeli semula barangan tersebut dengan harga tunai yang dibayar dengan harga yang lebih murah daripada harga tangguh.

Hasil daripada kajian terhadap pandangan fukaha silam dalam isu bay` 'inah, MPS telah memutuskan untuk menerima pakai pendapat Mazhab Syafi`i dan Zahiri yang mengharuskan bay` 'inah. Sesuatu akad itu hanya dinilai daripada sudut zahirnya sahaja dan perkara yang berkaitan dengan niat diserahkan kepada Allah SWT. Mereka mengkritik hadis-hadis yang dijadikan hujah oleh sebahagian besar fukaha yang dianggap lemah dan tidak boleh dijadikan sandaran hukum.(Suruhanjaya Sekuriti, 2006). Pemakaian mazhab Syafi`i adalah wajar sebagai mazhab rasmi di Malaysia. Oleh itu, ia boleh dimajukan lagi bagi membentuk sesuatu produk dalam pasaran modal Islam di Malaysia. Perkara ini boleh terjadi apabila institusi atau individu yang memerlukan modal untuk tujuan tertentu dapat menggunakan kaedah pembiayaan ini dengan menggunakan aset sebagai sandaran. Oleh kerana ia masih memerlukan aset tersebut, ia tetap boleh mencairkan aset tanpa kehilangan aset tersebut melalui kaedah ini.

Berdasarkan keputusan dan perbincangan yang dibuat oleh MPS, proses penelitian telah dilakukan dengan mengikuti tatacara yang ditetapkan dalam metodologi hukum Islam dan kaedah pembuatan keputusan MPS sendiri. Rujukan telah dibuat terhadap nas-nas dan pandangan fuqaha. Dari sudut ini ia memenuhi syarat penggunaan maqasid syariah yang menitikberatkan aspek proses bukan sahaja hukum dan kesan terhadap masyarakat. Oleh itu, pelaksanaannya mestilah mengikut syarak. Selain dari itu, aspek keadilan kepada kedua-dua pihak yang berakad dipelihara dan yang lebih penting keredaan dan persetujuan terhadap transaksi yang dilakukan. Malahan dasar asal dalam muamalat adalah harus selagi mana tidak terdapat nas yang mengharamkan dan satu keperluan pada masa kini (Hamzah Kamaruzzaman, 2015).

Jadual 5: Pemetaan Elemen maqasid syariah dengan Resolusi Bai` Inah

Resolusi	Elemen Khusus maqasid syariah				
	Kategori <i>daruriyyat</i> atau <i>hajjiyyat</i> atau <i>tahsiniyyat</i>	Menjaga agama, diri, akal, keturunan harta	Mendahulukan <i>masalah</i> ramai daripada individu	Menggunakan istilah <i>masalah</i> , hikmah, <i>illah</i> dan rahsia Syarak	Menolak keburukan didahulukan daripada mendapat kemanfaatan
Bai` Inah	/	-	-	-	-

Sumber: Penyelidikan

5.3.2 Bay` Ma`dum

Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam (KPII) dan Majlis Penasihat Syariah (MPS) telah membincangkan isu bay` ma`dum dalam beberapa siri mesyuaratnya pada tahun 1995 dan 1997 berhubung isu waran dan kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah dan memutuskan bahawa bay` ma`dum diharuskan (Suruhanjaya Sekuriti, 2006).

Bay` ma`dum adalah transaksi sesuatu objek yang tidak wujud ketika akad atau kontrak dijalankan kerana antara syarat bagi teori akad dalam perundangan Islam, ialah *mahal al-`aqd* atau *ma`qud `alayh* (objek dalam jual beli) yang akan diperniagakan hendaklah wujud ketika akad tersebut berlaku. Isu bay` ma`dum telah diperbahaskan oleh fukaha Hanafi, Maliki, Shafi`i dan Hambali ketika mereka membahaskan syarat objek dalam sesuatu akad jual beli.

Sungguhpun begitu, MPS berpendapat satu kajian yang mendalam perlu dilakukan terhadap sebahagian besar penulisan fiqh silam bagi mencari *illah* (sebab) larangan bay` ma`dum supaya tidak berlaku kesilapan dalam penentuan hukum larangan bay` ma`dum terhadap pelbagai urusan niaga moden pada hari ini. Hasil penelitian mendapati *illah* sebenar kepada keharusan bay` ma`dum adalah berdasarkan kepada *gharar* atau ketidakpastian untuk menyerahkan sesuatu barang yang hendak dijual sedangkan ia menjadi tanggungjawab kepada penjual. Oleh itu sekiranya sesuatu barang itu didapati tiada ketika akad tetapi boleh diserahkan oleh penjual, maka jual beli itu harus (al-Zuhayli, 1998).

Nabi SAW juga telah membenarkan bay` ma`dum seperti jual beli buah-buahan dan bijirin yang sudah matang. Ia adalah bay` ma`dum kerana pembeli belum boleh mengambil barangan jualan, sebaliknya terpaksa menunggu sehingga buah-buahan dan bijirin tersebut masak bahkan dalam situasi di Malaysia buah-buahan dijual semasa muda atau sebelum matang kerana ada kehendak dari masyarakat untuk dimakan begitu sahaja atau dimasak. Akad *salam*, *istisna`* dan *ijarah* juga merupakan contoh bay` ma`dum yang dibenarkan berdasarkan prinsip *istihsan*. Semuanya ini membuktikan bahawa menjual sesuatu yang belum wujud atau belum dimiliki ketika akad tidak dilarang semata-mata kerana sifat *ma`dumnya* tetapi kerana *gharar* (ketidakpastian) untuk memperolehi barang yang dikehendaki sebagai *illah* pengharamannya. Penggunaan *illah* sebagai salah satu elemen maqasid syariah dapat dilihat dengan jelas di dalam perbincangan di atas.

Dalam perkara ini prinsip maqasid syariah telah digunakan dengan sewajarnya, iaitu untuk menolak kemudaratan didahulukan daripada mencapai kebaikan. Kemudaratan dalam ertikata menyusahkan urusan dalam mendapatkan sesuatu barangan yang diperlukan apabila kontrak seperti ini tidak dibenarkan. Apatah lagi dalam situasi dunia

tanpa sempadan masa kini yang mana urusan jual beli, tempahan dan seumpamanya adalah sesuatu yang lumrah.

Ia juga menepati prinsip kedua dalam muamalat, iaitu meraikan *'illah*, masalah dan maqasid serta memenuhi prinsip maqasid syariah dalam transaksi kehartaan dari aspek memurnikan harta dari keburukan dan menjaga harta dari pencerobohan. Dalam hal ini kedua-dua maqasid ini jelas direalisasikan apabila bay` ma`dum dibenarkan apatah lagi bagi transaksi moden seperti dalam isu yang dirujuk kepada MPS dalam resolusi kesembilan ini. Dalam isu di atas tidak berlaku pencerobohan terhadap sesuatu harta yang diperdagangkan dan pemilikan harta yang tidak syar`i. Dalam hal ini juga *'illah* atau sebab sebenar pengharaman bay` ma`dum adalah gharar (ketidakpastian) untuk memperolehi barang yang dikehendaki. Oleh itu sekiranya perkara ini boleh diatasi dan kemaslahatan dapat diperolehi dengan perolehan barang, maka jual beli itu diharuskan. Bagaimanapun transaksi tersebut perlu dikawal dengan prosedur yang standard agar kewujudan gharar itu dapat sama sekali dielakkan (al-Zuhayli, 1998).

Jadual 6: Pemetaan Elemen Maqasid Syariah dengan Resolusi *Bai` Ma`dum*

Resolusi	Elemen Khusus maqasid syariah				
	Kategori <i>daruriyyat</i> atau <i>hajiyyat</i> atau <i>tahsiniyyat</i>	Menjaga agama, diri, akal, keturunan harta	Mendahulukan <i>masalah</i> ramai daripada individu	Menggunakan istilah <i>masalah</i> , hikmah, <i>'illah</i> dan rahsia Syarak	Menolak keburukan didahulukan daripada mendapat kemanfaatan
<i>Bai` Ma`dum</i>				/	/

Sumber: Penyelidikan

6. Kesimpulan

Maqasid syariah adalah salah satu sumber dan kaedah pengeluaran hukum yang wajar digunakan dalam penyelesaian isu-isu semasa dalam pelbagai bidang muamalat berbentuk kehartaan atau bukan berbentuk kehartaan apabila rujukan kepada kaedah Usul fiqh tidak dapat memberi penyelesaian yang tuntas untuk masalah masyarakat.

Resolusi hukum bagi aspek Perbankan Islam dan Takaful menjadi tanggungjawab Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia manakala aspek Pasaran Modal Islam menjadi tanggungjawab Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kedua-duanya berperanan secara umum menyelaras dan mentadbir isu-isu syariah bagi melancarkan pembangunan instrument kewangan Islam. Selain itu peranan khususnya adalah memastikan setiap instrumen yang diperkenalkan mematuhi prinsip syariah dan memastikan juga pembangunan kewangan Islam dari segi perancangan dasar dan pembangunan produk berjalan lancar dan selaras dengan prinsip syariah. Penumpuan khusus dalam bidang masing-masing ini sangat memberi kesan terhadap perkembangan hukum khususnya dalam bidang muamalat.

Dari aspek pengeluaran hukum, kesemua institusi di atas menggunakan kaedah *ijtihad jama'i*. Oleh itu bagi memastikan *ijtihad jama'i* itu dilaksanakan dengan tepat dan teratur, pelantikan ahli-ahli MPS BNM dan Suruhanjaya Sekuriti hendaklah daripada kalangan individu-individu yang berkelayakan dan berpengalaman luas dalam bidang

kewangan Islam dan pasaran modal Islam. Ia perlu dilakukan bagi menyelesaikan permasalahan baharu yang tidak diperbincangkan lagi oleh para ulama silam. Konsep *ijtihad jama'i* juga memberi peluang kepada para ulama untuk berbincang secara komprehensif dan mendapatkan pandangan pakar-pakar dalam bidang kewangan, undang-undang dan lain-lain bagi memastikan para ulama mendapat kefahaman sepenuhnya berkenaan isu atau permasalahan yang perlu diselesaikan.

Pernyataan tentang aplikasi maqasid syariah dinyatakan dengan jelas secara dokumentasi sebagai rujukan dalam pengeluaran hukum. Sungguhpun begitu, penggunaan maqasid syariah hendaklah berasaskan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah. Manakala pandangan para fuqaha dan sarjana terhadap sesuatu hukum tertentu yang berasaskan masalah dan maqāsid perlu diperiksa agar tidak berlaku penyalahgunaan penggunaannya. Pemerhatian terhadap maqasid syariah akan menambahbaik resolusi hukum dan memandu Majlis Penasihat Syariah memahami isu semasa dalam muamalat kerana penyelesaian yang tidak bertepatan dengan realiti semasa akan menghasilkan hukum yang tidak bertepatan dengan maqasid syariah iaitu mengangkat kesusahan dan memberikan kemudahan kepada masyarakat.

Berasaskan penelitian terhadap penulisan para sarjana metodologi hukum, terdapat lima elemen maqasid syariah yang boleh digunakan untuk menilai aplikasinya dalam resolusi hukum yang dikeluarkan oleh institusi-institusi di atas tanpa menafikan terdapat lain-lain elemen maqasid syariah yang penting. Bagaimanapun, elemen-elemen di atas dipilih berdasarkan kajian literatur yang telah dilakukan dan disyorkan kajian lanjutan dilakukan untuk meneliti elemen-elemen lain yang boleh digunakan untuk menilai aplikasi maqasid syariah.

Berdasarkan empat sampel resolusi hukum yang dianalisis, didapati kewujudan elemen daruriyyat dan hajiyyat yang menunjukkan bahawa elemen kepentingan asas dan keperluan masyarakat itu menjadi asas utama dalam resolusi hukum yang dikeluarkan berkaitan muamalat kemudiannya diikuti dengan elemen-elemen ketiga, keempat dan kelima iaitu mendahulukan masalah orang ramai daripada masalah individu, menggunakan perkataan masalah, mendahulukan menolak kemudaratan daripada mendapatkan kemanfaatan dan menjaga lima kepentingan asasi manusia iaitu agama, diri, akal, keturunan dan harta.

Kesimpulannya, aplikasi maqasid syariah yang betul akan menghasilkan hukum yang bukan sahaja menjawab persoalan semasa tetapi juga menjelaskan kedinamikan hukum Islam dengan memastikan maqasid syariah itu dapat dikenal pasti dan diberikan kedudukan yang sewajarnya sebagai sumber atau kaedah pengeluaran hukum.

Rujukan

- 'Abd al-Karīm Zaydān, *al-Wajiz fi Uṣūl al-Fiqh*, (Baghdad: Muassasah al-Risalah, 1987), 84.
Akhtar Zeiti 'Abd al-'Aziz. (2008). *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asarah*. Beirut: Dar al-Fikr.
Akta Bank Islam 1983
Akta Bank Negara Malaysia 2009
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Akta Takaful 1984

al-Shatibi, *al-Muwafaqat*, (Kaherah: Dar Ibn 'Affan, 1997), 3: 89

al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, (Damsyiq: Dar al-Fikr, 1989M/1409H)

Bank Negara Malaysia, c. 2, *Resolusi Syariah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia Edisi Kedua*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010), iii-211.

Lihat juga laman sesawang BNM, http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bnm_announcement&pg=bnm_announcement&ac=285&lang=bnm. Dicapai pada 8 Oktober 2018.

Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam 2010 – 2011* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2011), 3.

Hailani Muji Tahir. (1998). *Mekanisme Fiqh Muamalat dalam Perniagaan dan Perdagangan*. Dalam Isu Syariah dan Undang-undang, (siri 4). sunt. Abdul Basir bin Haji Mohammad dan Jafril Khalil. Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM.

Wan Salim bin Wan Mohd (Sahibus Samahah Dato' Seri Mufti Negeri Pulau Pinang) dalam temu bual bersama penyelidik, 19 Mac 2015.

Hamzah Kamaruzzaman, (Pegawai Penganalisis, Seksyen Syariah Bank Negara Malaysia) dalam temu bual dengan penyelidik, 6 April 2015.

Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir (m. 1907M/1325H), *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*, ed. Muhammad al-Tahir al-Misawi (Petaling Jaya: al-Basair li al-Intaj al'Ilm, 1998M/1418H),

Md. Nurdin Ngadimon, (Pengurus Besar merangkap Ketua Jabatan Syariah Pasaran Modal Islam) dalam temu bual dengan penyelidik, 27 April 2015

Mohamad Akram Laldin. (2015). Profesor dan Pengarah International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA)), dalam temu bual dengan penyelidik, 5 Mac 2015.

Mohd Ma'sum Billah. (1426H/2006M). *Shari'ah Standard of Business Contract* . Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Muhammad Abu Zuhrah. (1957). *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

Muhammad Sharif Bashir dan Hisham Sabri. (2008M/1429H). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Mu'amalat al-Maliyyah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Ruzian Markom (Profesor Madya di Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temu bual dengan penyelidik, 19 Ogos 2014.

'SAC Latest Update', dicapai 7 Oktober 2018, http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_about&pg=en_sac_updates&lang=en.

Suhaimi Mohd Yusof & Ahmad Hazim Alias, "Pendekatan Membuat Keputusan Syariah dalam Kewangan Islam", *Jurnal Muamalat* 1 (2008), 159.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*, (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2006), 11-12.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 29 Disember 2017*, (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2017).

Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Sahibus Samahah Datuk Mufti Wilayah Persekutuan), dalam temu bual dengan Prof. Dato' Dr. Ahmad Hidayat bin Buang, 11 Ogos 2014 untuk projek penyelidikan Universiti Malaya RP007-013NE.